

11 JUN 2002

Abdullah-Switzerland (Bergambar)

MALAYSIA AKAN MINTA SWITZERLAND BEKUKAN WANG, KATA ABDULLAH

LANGKAWI, 11 Jun (Bernama) -- Malaysia akan memastikan wang rakyatnya yang disyaki diperolehi melalui saluran haram dan disimpan di bank di Switzerland dibekukan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan memastikan wang itu dibekukan atau sesuatu tindakan diambil bagi mengelakkan wang itu dikeluarkan untuk pelbagai tujuan termasuk menaja kegiatan keganasan.

"Kita bimbang dan tak hendak kumpulan yang ada rekod mempunyai rancangan tertentu dan membahayakan (keselamatan) negara tetapi mempunyai wang disimpan di Switzerland," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu Pulau Pinang di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas jaminan kerajaan Switzerland untuk membantu Malaysia dalam siasatan Perwaja dan aktiviti jenayah kewangan yang melibatkan wang yang disimpan atau dipindahkan melalui negara itu.

Jaminan itu diberikan oleh Presiden Switzerland Caspar Villiger semasa mesyuarat delegasi Malaysia-Switzerland di Bern, semalam, sempena lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sana.

Ditanya sama ada jaminan itu dapat membantu Malaysia menyelesaikan siasatan terhadap skandal Perwaja dengan segera, Abdullah berkata jaminan itu dapat membantu (siasatan) Malaysia dalam kes apa pun dan mempercepatkan lagi tindakan yang boleh diambil.

Ditanya sama ada Malaysia akan cuba mendapatkan semula wang simpanan rakyatnya yang disyaki diperolehi secara haram dan disimpan di bank Switzerland, beliau berkata ia bergantung kepada keadaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata jaminan yang diberikan itu sebagai kejayaan yang baik kerana Switzerland bersetuju dan bersedia bekerjasama membantu Malaysia.

"Malaysia tak hendak Switzerland dijadikan tempat wang yang diperolehi dari kegiatan jenayah dan saluran yang salah, disimpan di situ," katanya.

Malaysia, katanya, mahukan maklumat supaya ianya boleh dijadikan bukti untuk mendakwa mereka terbabit ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman.

Ditanya bagaimana kerajaan Switzerland hendak membantu Malaysia sedangkan bank-bank di Switzerland itu mempunyai tahap kerahsiaan maklumat perbankan yang tinggi, Abdullah berkata:

"Takkan Presiden Switzerland nak bantu kita kalau dia tahu dia benar-benar tidak boleh bantu,"

Abdullah berkata persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pemimpin, Dr Mahathir dan Villiger, itu di atas dasar dan prinsip ketika ini.

Mengenai mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu itu, beliau berkata mesyuarat tiga hari itu yang berakhir hari ini antara lain memberi perhatian kepada usaha untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi di Pulau Pinang.

Jawatankuasa itu bersetuju untuk menyediakan daftar senarai semua syarikat Bumiputera dan bidang perniagaan mereka di negeri ini bagi memudahkan untuk melibatkan mereka dalam projek pembangunan kelak.

Mesyuarat itu juga menekankan pentingnya sekolah-sekolah dibekalkan dengan komputer ke arah mewujudkan e-komuniti dan k-pekerja.

-- BERNAMA

JM RON